

# Siasatan NFC diteruskan

## Beberapa lagi isu dalam syarikat belum selesai

Oleh Nor Azizah Mokhtar

*norazizah@bharian.com.my*

**K**UALA LUMPUR: Polis masih meneruskan siasatan kes penyelewengan di Pusat Fidlot Nasional (NFC) walaupun Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail sudah didakwa di mahkamah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, berkata siasatan kes NFC masih jauh daripada selesai.

"Walaupun Pengerusi Eksekutif NFC didakwa di mahkamah, siasatan beberapa kes penyelewengan membabitkan syarikat itu masih diteruskan.

"Selepas siasatan selesai dan ker-

tas siasatan dilengkapkan, kita akan terus serah kertas siasatan pada Peguam Negara untuk dinilai," katanya pada pemberita selepas menjalankan Program Kepolisian Berprofil Tinggi (HPP) di pusat beli-belah Wangsa Walk di sini, semalam.

Syed Ismail berkata, buat masa ini hanya sebahagian daripada siasatan kes membabitkan NFC berjaya diselesaikan dan siasatan membabitkan beberapa lagi isu lain dalam syarikat berkenaan masih dijalankan.

"Buat masa ini, hanya Pengerusi Eksekutif yang didakwa dengan empat tuduhan dan mungkin ada pertuduhan lain yang akan menyusul membabitkannya (Mohamad Salleh) atau individu lain namun ia bergantung kepada hasil siasatan," ka-

tanya lagi.

Sementara itu, melalui program HPP akan yang dilaksanakan baru-baru ini akan dapat merapatkan lagi hubungan polis dengan orang awam selain memudahkan maklumat disalurkan untuk pencegahan jenayah.

"Kita mahu lebih dekat dengan masyarakat dan membolehkan mereka merasai kehadiran polis di sekeliling mereka selain menyalurkan segala maklumat.

"Setakat ini, program HPP mendapat tindak balas positif daripada masyarakat kerana mereka mula rasa semakin ramai anggota polis ada di sekeliling mereka bukan saja di kejiranan malah di mana-mana saja kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai," katanya.